

UMS intai lebih banyak kerjasama, fokus perubatan laut dalam

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjangkakan lebih banyak kerjasama bakal dijalinan bersama pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TLDM) khususnya dalam bidang perubatan laut dalam.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin

berkata UMS bakal akan memiliki hospital pengajar yang dijangka siap dan beroperasi menjelang 2021.

“Kita akan memiliki hospital pengajar tidak lama lagi dan dijangka akan siap pada 2021.

“Di sini kita akan memfokuskan kepada keutamaan dan keistimewaan kita yang berkaitan dengan TLDM iaitu perubatan laut dalam,” katanya ketika ditemui *New Sabah Times* kelmarin di Galeri Majlis,

Canselori UMS.

Menurut beliau, hospital pengajar itu bakal dilengkapi kemudahan dan mempunyai 400 buah katil.

Jelas beliau juga, hospital itu juga adalah satu kejayaan UMS dan diharapkan pelbagai kerjasama bersama pihak TLDM mampu dibentuk.

“Kita pasti kerjasama UMS dengan pihak TLDM akan lebih erat

dengan adanya pengkhususan bidang perubatan laut dalam tidak lama lagi dan kita sememangnya berharap dan berbesar hati sekiranya dapat menjalin kerjasama dengan hospital Navy Sepanggar,” katanya lagi.

Dalam pada itu, D Kamarudin memberitahu bahawa usaha tersebut adalah bukti UMS kini bergerak ke arah lebih bijak dalam memastikan kecemerlangan akademik dan

perkhidmatan.

“Saya yakin, pelbagai program kerjasama UMS dan TLDM pada masa akan datang mampu memberi manfaat kepada pihak UMS bagi meningkatkan kecemerlangan akademik mahupun perkhidmatan.

Hal itu juga adalah satu langkah menyokong semangat Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS) dan menyokong ke arah target UMS untuk mencapai UMS Smart Eco 4.0.